



Techtronic Industries

TATAETIKA DAN TATANIAGA TTI

CODE OF ETHICS AND

CODE OF ETHICS AND

CODE OF ETHICS AND

CODE OF ETHICS AND

BUSINESS CONDUCT

BUSINESS CONDUCT

BUSINESS CONDUCT

BUSINESS CONDUCT

Jadual Kandungan.

Utusan daripada CEO kita	1
Pengenalan	2
Pematuhan dengan Undang-Undang, Peraturan, Dasar dan Prosedur	3
Nilai-Nilai Kita	4
Komitmen Kita	5
Komitmen kepada Pekerja Kita	6
Komitmen Buruh dan Pekerjaan	6
Komitmen Keselamatan	7
Komitmen Keselamatan & Kesenambungan Perniagaan	7
Komitmen Privasi dan Perlindungan Maklumat	8
Komitmen kepada Pelanggan Kita	9
Komitmen Antitrust dan Persaingan	9
Komitmen Jualan dan Pemasaran	9
Komitmen kepada Pembekal Kita	11
Komitmen Pilihan yang Betul	11
Komitmen Rantaian Bekalan	11
Komitmen terhadap Komuniti Kita	13
Komitmen Alam Sekitar	13
Komitmen Hak Manusia	13
Komitmen Antirasuah	14
Aktiviti Politik dan Komitmen Hubungan Kerajaan	15
Komitmen terhadap Pemegang Saham Kita	16
Komitmen Konflik Kepentingan	16
Komitmen Perlindungan Aset Syarikat	18
Komitmen Kerahsiaan	18
Komitmen Harta Intelektual	19
Komitmen Komunikasi Luaran	19
Komitmen Media Sosial	19
Komitmen Kawalan Kewangan	20
Komitmen Undang-undang Keselamatan	20
Integriti dalam Semua Perkara yang Kita Lakukan	23
Keperluan Pematuhan dan Melaporkan Pelanggaran	23

Utusan daripada CEO kita.



Selamat datang ke Tataetika dan Tataniaga kita. Tata ini bertindak sebagai asas untuk budaya korporat etika kita. Syarikat kita dan subsidiari serta syarikat ahli gabungannya mempunyai komitmen yang kukuh terhadap etika dan integriti. Nilai-nilai teras kita terus mentakrifkan cara kita menjalankan perniagaan. Kita perlu melakukan perkara yang betul demi manfaat para pekerja kita, pemegang saham, pelanggan, vendor, pembekal dan komuniti yang kita menjalankan perniagaan di seluruh dunia. Tata kita boleh membantu kita menentukan maksud “perkara yang betul” dalam amalan kerja dan tempat kerja kita.

Kerja kita melahirkan cabaran dan peluang. Apabila Tata ini serta Dasar dan Prosedur Pematuhan Korporat kita dibaca dan dipatuhi, hal ini dapat membantu kita menghadapi cabaran dengan alatan yang betul, pengetahuan dan keyakinan.

Kami terhutang kedudukan kepimpinan kita dalam industri kepada warga kerja kita, yang dengan kebanggaan, dedikasi dan semangat mereka telah mengukuhkan budaya etika di tempat kerja kita.

Dengan bekerja bersama-sama, kita akan memelihara nilai-nilai kita dan memastikan kejayaan berterusan TTI. Terima kasih atas dedikasi berterusan anda.

Salam hormat,
Joe Galli
CEO

Pengenalan •



Bertindak dengan integriti dan melakukan perkara yang betul adalah daya pendorong utama di sebalik kejayaan luar biasa Techtronic Industries Co., Ltd., subsidiari dan syarikat ahli gabungannya (“TTI”). Kejayaan kita tidak boleh dicapai melalui pengorbanan etika dan nilai-nilai organisasi kita. Seja dari awal lagi, Syarikat kita komited untuk menjalankan perniagaannya secara sah dan beretika. Tataetika dan Tataniaga (Tata) kita menetapkan peraturan dan garis panduan yang perlu kita ketahui demi memenuhi komitmen ini.

Setiap orang—bermakna semua pekerja, pegawai dan pengarah—mesti menjaga tingkah laku kita dan menjalankan urusan Syarikat kita secara beretika. Kita berkongsi tanggungjawab untuk melindungi dan mengetengahkan reputasi Syarikat kita, dan semua strategi dan aktiviti perniagaan kita perlu sejajar dengan etika dan nilai-nilai kita. Kita terhutang kepada Syarikat kita, pemegang kepentingan kita dan diri kita sendiri.

Melakukan perkara yang betul tidak selalunya mudah. Dalam kerja sehari-harian kita, kita mungkin mengalami tekanan daripada pihak lain untuk melanggar peraturan atau mengambil jalan pintas. Walau bagaimanapun, melanggar Tata, nilai-nilai, dasar Syarikat kita atau undang-undang dan peraturan tidak sekali-kali menjadi suatu pilihan. Walaupun Tata kita tidak dapat menangani setiap situasi yang mungkin kita hadapi, Tata ini menyediakan maklumat yang jelas dan mudah kepada kita tentang prinsip pengendalian Syarikat kita dan tingkah laku yang dikehendaki daripada kita semua.

Harap ingat bahawa Tata ini bukan kontrak pekerjaan atau sebarang jenis kontrak lain. Tata ini tidak mengubah suai terma atau syarat sebarang pekerjaan atau faedah mana-mana individu. Dokumen ini adalah dokumen panduan yang perlu digunakan bersama-sama dasar, undang-undang, peraturan dan pertimbangan yang waras.

Pematuhan dengan Undang-Undang, Peraturan, Dasar dan Prosedur •

Semua orang bertanggungjawab untuk mematuhi kesemua undang-undang yang menguasai aktiviti TTI. Kita semua dikehendaki mematuhi dasar, prosedur korporat dan standard Syarikat kita yang lain pada setiap masa. Dengan melakukan yang sedemikian, kita berkembang dan berjaya sebagai sebuah perniagaan, menunaikan janji kita terhadap pemegang kepentingan kita dan menyumbang kepada budaya etika yang positif di TTI. Semua dasar kita boleh didapati di Learning Management System (LMS) / Intranet TTI dan setelah diminta dari jabatan Sumber Manusia. Jika pada bila-bila masa anda mempunyai soalan atau memerlukan panduan lanjut, anda tidak sepatutnya berasa ragu-ragu untuk bertanya.

Pelanggaran terhadap dasar korporat atau standard Syarikat lain boleh menyebabkan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemecatan daripada pekerjaan. Beberapa contoh pelanggaran termasuk, tapi pastinya tidak terhad kepada:

- Meminta atau membenarkan orang lain melanggar sebarang undang-undang, Tata atau dasar atau prosedur Syarikat yang lain, atau membantu seseorang melanggar standard yang sedemikian. Anda tidak sekali-kali boleh melakukannya melalui orang lain—seperti rakan niaga—perkara yang anda sendiri tidak dibenarkan melakukannya.
- Kegagalan untuk bekerjasama sepenuhnya dengan siasatan atau audit Syarikat.
- Pembalasan terhadap pekerja lain atau pihak ketiga, sama ada kerana melaporkan pelanggaran Tata yang disyaki atau kerana bekerjasama dengan siasatan Syarikat.

Selain itu, jika anda pengurus atau seseorang yang bertanggungjawab untuk menyelia pekerja lain, anda mempunyai tanggungjawab tambahan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Memastikan bahawa pekerja anda memahami cara prinsip yang terkandung dalam Tata digunakan pada kerja khusus mereka.
- Memelihara persekitaran kerja yang menggalakkan tingkah laku yang beretika dan menggalakkan pekerja agar bertanyakan soalan dan mengemukakan kebimbangan.
- Menunjukkan kepimpinan yang beretika melalui kata-kata dan tindakan anda.
- Mengambil sikap berhati-hati untuk menghalang dan mengesan pelanggaran terhadap Tata.
- Mengendalikan sebarang aduan atau laporan tentang pelanggaran yang disyaki terhadap Tata ini, dasar atau prosedur korporat yang anda terima dengan segera, secara sulit dan selaras dengan dasar Syarikat.

Nilai-Nilai Kita.

Nilai-nilai kita adalah kepercayaan, prinsip dan standard kita yang tidak berubah buat sekian lamanya. Nilai-nilai adalah sumber yang kita sandarkan apabila diminta untuk membuat keputusan. Itulah yang membentuk persediaan asas bagi tingkah laku beretika kita. Perkara yang perlu kita lakukan di TTI mestilah selaras dengan nilai-nilai yang kita pegang.

Kita menaruh keyakinan terhadap nilai-nilai kita:
Melakukan Perkara yang Betul
Saling Melayani dengan Bermaruah dan Rasa Hormat
Menjalinkan Hubungan yang Kukuh dan Melebihi Jangkauan Pelanggan



Komitmen Kita.

Kita berkongsi tanggungjawab kolektif untuk menegakkan komitmen kita kepada semua pemegang saham TTI. Kita mengambil serius terhadap komitmen ini sehingga kita telah menyediakan Tata kita berdasarkan komitmen tersebut.

Komitmen kepada Pekerja Kita

Kita akan mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja kita dan melayani semua orang dengan rasa hormat dan bermaruah. Kita akan bersikap adil dan menggalakkan persekitaran yang amat beretika untuk kesetiaan dan kebanggaan pekerja kita. Kita komited untuk menyediakan tempat kerja yang menggalakkan idea baharu, kerja yang berkualiti tinggi, peluang kerjaya dan semangat inovatif.

Komitmen kepada Pelanggan Kita

Pelanggan kita adalah nadi hidup Syarikat, dan kita amat terhutang budi dengan mereka kerana membantu kita berkembang dan berjaya. Kita berusaha lebih daripada yang dijangkakan untuk menjalin hubungan pelanggan yang kukuh, menawarkan produk yang boleh dipercayai dan selamat serta melibatkan diri dalam persaingan yang adil agar kita menerima langganan mereka.

Komitmen kepada Pembekal Kita

Kita akan bersikap profesional dalam semua urusan kita dengan pembekal kita. Kita akan memilih rakan niaga yang memiliki nilai-nilai dan amalan perniagaan yang serasi dengan standard kita yang tinggi agar kita boleh menjalin hubungan yang berpanjangan sehingga membolehkan kita semua untuk berkembang makmur dalam pasaran yang berdaya saing. Jururunding, ejen dan wakil TTI mesti menjalankan urusan mereka selaras dengan dasar kita serta undang-undang dan peraturan yang relevan.

Komitmen terhadap Komuniti Kita

Menjadi misi kita untuk menjadi warga korporat yang baik dan untuk berkhidmat kepada setiap komuniti selaras dengan cara TTI menjalankan perniagaan. Kita akan mematuhi undang-undang dan menghormati tradisi setiap komuniti dan akan menggalakkan penyertaan dan penglibatan dalam hal ehwal komuniti. Sebagai sebuah syarikat, kita komited kepada alam sekitar dan berikrar untuk terus menjadi peneraju industri dalam menyediakan produk dan perkhidmatan yang dihormati dunia kita.

Komitmen terhadap Pemegang Saham Kita

Kita akan menguruskan perniagaan kita dan berkelakuan dengan cara yang meningkatkan dan mengekalkan reputasi Syarikat sambil memberikan pulangan yang adil kepada pemegang saham kita bagi pelaburan mereka.



Komitmen kepada Pekerja Kita.

Syarikat kita berjaya kerana warga kerja kita. Sebagai individu, kita memacu inovasi dan sentiasa meningkatkan standard menjalankan perniagaan. Pilihan pendapat, idea dan pengalaman kita yang luas menyumbang kepada organisasi yang menyeluruh dan sentiasa berkembang. Bagi mengekalkan keseimbangan usaha gigih, dedikasi dan tenaga yang kreatif, TTI beriltizam untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan saling menghormati yang menggalakkan setiap perkembangan peribadi dan pencapaian kerjaya pekerja.

Komitmen Buruh dan Pekerjaan

Kita menaruh kepercayaan penuh bahawa semua individu hendaklah dilayani dengan bermaruah dan hormat, tanpa mengira sebarang perbezaan yang timbul semasa di tempat kerja. Kita menghendaki semua orang mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa dalam bidang kuasa yang kita beroperasi dan untuk mengelakkan daripada menganiyai orang lain melalui, sebagai contoh:

- Ancaman
- Kelakuan yang ganas
- Intimidasi
- Membuli
- Diskriminasi
- Penderaan fizikal atau lisan
- Gangguan seksual yang tidak diingini
- Menyentuh atau gangguan ruang peribadi yang tidak diingini
- Mengabaikan hak orang lain

Kesemua tindakan dan kelakuan yang disenaraikan di atas adalah tidak selaras dengan nilai-nilai teras TTI. Banyak daripada tindakan tersebut menyalahi undang-undang juga, seperti amalan yang menyebabkan rakan sejawat kita atau orang lain mengalami diskriminasi atau gangguan yang menyalahi undang-undang. Sebagai majikan peluang sama rata, TTI komited untuk menyediakan persekitaran kerja yang mengamalkan sikap saling hormat-menghormati, bebas daripada gangguan dan diskriminasi. Syarikat kita tidak mendiskriminasi terhadap pekerja atau pemohon berhubung dengan bangsa, warna kulit, jantina, umur, agama, bangsa, ketakupayaan, veteran yang dilindungi atau status perkhidmatan berpakaian seragam yang lain atau sebarang sifat lain yang dilindungi oleh undang-undang.

Syarikat kita mematuhi semua undang-undang kebangsaan, negeri, daerah dan pekerjaan setempat yang disediakan khusus untuk melindungi hak individu. Ini termasuk peraturan tentang kadar gaji, lebih masa, kesihatan dan keselamatan pekerjaan serta peluang pekerjaan yang sama rata. Jika anda menyaksikan atau mengalami diskriminasi atau gangguan di tempat kerja, atau mempunyai kebimbangan bahawa undang-undang pekerjaan yang tidak ditegakkan, anda hendaklah melaporkannya kepada penyelia anda atau kepada Jabatan Sumber Manusia. TTI tidak membenarkan pembalasan, secara langsung atau tidak langsung, terhadap sesiapaupun kerana melaporkan, secara jujur, pelanggaran yang disyaki terhadap Tata ini.

Komitmen kepada Pekerja Kita

Komitmen Keselamatan

Syarikat kita komited untuk memelihara persekitaran kerja yang selamat. Warga kerja kita tidak seharusnya bukan sahaja berasa dihormati dan dihargai semasa bekerja tetapi perlu juga berasa selamat dengan keadaan sekeliling mereka. Itulah sebabnya semua lokasi TTI perlu mematuhi Pentadbiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) atau keperluan kawal selia lain yang berkuat kuasa. Sebarang isu keselamatan atau pelanggaran terhadap keperluan kawal selia mesti ditangani dengan segera untuk mengelakkan risiko kecederaan.

Tetapi kita tidak berhenti hanya setakat memenuhi kewajipan kita. Sebaliknya, kita mengambil inisiatif proaktif untuk menjadikan keselamatan keutamaan yang penting. Syarikat kita mengekalkan program untuk mengurus kebimbangan keselamatan di dalam semua kemudahan kita. Kita tidak akan sekali-kali meminta atau menghendaki mana-mana individu untuk menjalankan sebarang tugas atau mengendalikan sebarang jentera yang dianggap tidak selamat. Kita semua berkongsi tanggungjawab untuk mengekalkan amalan dan keadaan yang selamat dalam semua perkara yang kita lakukan. Jika anda menyaksikan atau mengesyaki sebarang keadaan atau amalan kerja yang tidak selamat, anda hendaklah segera melaporkannya kepada Jabatan Sumber Manusia anda.

Kita juga komited untuk menyediakan tempat kerja yang sihat dan bebas dadah. Apabila bebas daripada dadah haram, preskripsi yang digunakan secara tidak wajar atau bahan terkawal daripada sebarang jenis bukan sahaja suatu syarat pekerjaan di TTI tetapi juga komitmen kita mesti kekalkan demi keselamatan pekerja, rakan niaga, pelanggan kita dan orang lain yang berinteraksi dengan kita. Kita tidak boleh menggunakan, menjual atau memiliki dadah haram atau minuman beralkohol di premis Syarikat. Pelanggaran terhadap dasar keselamatan penting ini boleh tertakluk kepada mereka yang terlibat dalam pemecatan serta-merta, bergantung kepada undang-undang yang berkuat kuasa.

Komitmen Keselamatan & Kesenambungan Perniagaan

Kita perlu sebagai sebuah organisasi untuk mengambil langkah-langkah yang berpatutan untuk melindungi kebajikan warga kerja kita dan operasi kita. Apabila mungkin, kita mesti meminimumkan risiko kepada rakan sejawat, pelanggan kemudahan, aset maklumat dan rantai bekalan kita. Kita juga mesti tahu cara mengekalkan kesinambungan perniagaan kita apabila berlaku krisis. Krisis boleh jadi semula jadi atau buatan manusia dan boleh wujud dalam banyak bentuk. Krisis boleh jadi taufan, puting beliung, gempa bumi, serangan pengganas atau biologi, situasi orang tebusan, tumpahan bahan kimia, keruntuhan struktur atau sebarang kejadian lain yang mengancam keselamatan pekerja, pelanggan, komuniti TTI dan integriti perniagaan kita. TTI akan sentiasa berusaha untuk memberi tindak balas terhadap krisis dengan segera, secara profesional dan rasa belas kasihan.



Komitmen kepada Pekerja Kita

Komitmen Privasi dan Perlindungan Maklumat

Di TTI, kita mempunyai pelbagai aset yang boleh kita gunakan. Aset ini membantu kita menjalankan kerja kita dan termasuk bukan sahaja aset fizikal tetapi juga maklumat proprietari dan sulit yang berharga. Maklumat proprietari dan sulit termasuk maklumat perniagaan Syarikat, pelanggan, kewangan, kredit, pemasaran, kakitangan, perubatan dan gaji, selain bahan-bahan berhak cipta dan maklumat sulit lain yang berkaitan dengan TTI dan pekerja TTI. Sebahagian daripada komitmen yang kita buat antara satu sama lain adalah melindungi maklumat peribadi yang diamanahkan kepada TTI oleh setiap pekerja.

Maklumat peribadi kita termasuk maklumat hubungan, nombor pengenalan, sejarah perubatan, penilaian prestasi kita dan sebarang rekod peribadi lain yang disimpan oleh Syarikat kita. Mereka yang mengakses data pekerja peribadi sebagai sebahagian daripada kerja kita mestilah berhati-hati untuk melindunginya daripada pendedahan yang tidak dibenarkan atau penggunaan yang tidak wajar. Ini bermakna, antara lain, bahawa kita tidak berkongsi maklumat sedemikian dengan orang lain tanpa keperluan perniagaan yang jelas untuk dilakukan, mahupun kita tidak menyimpan, mengakses atau mengubah suainya tanpa kebenaran.

Menghayati Nilai-Nilai Kita

1

Senario: Saya sedang menemu duga calon untuk suatu jawatan dalam jabatan saya. Dua daripada pemohon tersebut adalah calon yang amat kuat. Walau bagaimanapun, salah seorang daripada mereka, adalah ibu bapa muda yang mempunyai dua orang anak kecil di rumah. Jawatan ini memerlukan waktu kerja yang lama dan membuat perjalanan. Saya milih calon yang tiada anak meskipun calon yang satu lagi adalah lebih berkelayakan—dengan cara ini, pemohon lain boleh menghabiskan lebih banyak masa dengan keluarga beliau.

Respons: Anda mungkin mempunyai niat yang baik, tetapi tindakan anda tidak menghayati nilai-nilai kita. Anda sepatutnya membuat keputusan mengambil pekerja berdasarkan merit sahaja. Selagi anda jujur dengan keperluan kerja, setiap pemohon boleh menentukan sama ada jawatan itu sesuai untuk situasi keluarga beliau. Ingat nilai-nilai kita untuk Melakukan Perkara yang Betul dan Saling Melayani dengan Bermaruah dan Rasa Hormat semasa membuat keputusan berkaitan dengan pekerjaan.

2

Senario: Saya perasan bahawa sesetengah jentera yang digunakan untuk bekerja telah mengeluarkan bunyi yang pelik dan berjalan lebih lambat daripada biasa. Oleh kerana saya berasa bimbang jentera itu boleh rosak atau menyebabkan kecederaan, saya segera memaklumkan orang lain yang berada di sekeliling saya dan memberitahu penyelia saya, yang segera mengemukakan isu tersebut. Hal tersebut rupanya adalah suatu isu yang kecil.

Respons: Anda telah menghayati nilai Melakukan Perkara yang Betul kita. Meskipun suatu kebimbangan yang serius tidak dikenal pasti semasa pemeriksaan keselamatan, anda telah melakukan tindakan yang betul dengan mengesan suatu kelainan dan melaporkannya. Sekiranya hal tersebut adalah isu yang lebih penting, anda atau rakan sejawat anda mungkin tercedera, atau beberapa kesan buruk lain mungkin berlaku.

Komitmen kepada Pelanggan Kita.

Pelanggan kita adalah satu daripada keutamaan penting kita, dan kita mengutamakan kepentingan mereka dalam semua perkara yang kita lakukan.

Komitmen Antitrust dan Persaingan

Undang-undang antitrust dan persaingan global diwujudkan untuk memelihara pasaran yang bebas dan berdaya saing. Pasaran bebas dan berdaya saing, seterusnya, menyediakan akses kepada pilihan produk berkualiti pada harga yang adil kepada para pelanggan. Kita akan mematuhi undang-undang ini. Kualiti inovasi kita memacu kejayaan kita, dan kita tidak perlu menggunakan amalan yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika.

Untuk mematuhi undang-undang antitrust dan persaingan, kita mesti mengelakkan daripada membuat (atau seolah-olah membuat) perjanjian dengan pesaing kita yang menyekat perdagangan dengan cara yang tidak munasabah. Ini bermaksud kita tidak boleh berbincang dengan pesaing kita menetapkan harga, memasarkan, memberi khidmat atau sebaliknya bersaing. Kita tidak boleh berkongsi maklumat perniagaan yang sulit dengan pesaing kita, mahupun melibatkan diri kita dalam sebarang tingkah laku yang boleh menyekat secara tidak munasabah akses pesaing kita kepada pasaran. Secara umum, kita hendaklah mengelakkan perbuatan dengan pesaing berkenaan:

- Menetapkan atau mengawal harga
- Membahagikan atau memperuntukkan pelanggan, bida, pasaran atau kawasan
- Membataskan jualan atau pengeluaran produk dan perkhidmatan
- Menolak untuk menjual kepada pelanggan tertentu atau membeli daripada pembekal yang tertentu

Jika seorang wakil dari syarikat pesaing mencuba untuk membincangkan tentang topik ini atau antipersaingan yang lain dengan anda, anda perlu menamatkan perbincangan itu dengan pantas, dan menjelaskan kepada beliau bahawa anda tidak mahu menyertainya. Memandangkan undang-undang antitrust dan antipersaingan adalah rumit dan risiko yang mungkin ada sukar untuk dikenal pasti, anda hendaklah mendapatkan nasihat dari Jabatan Undang-Undang sebelum berinteraksi dengan pesaing.

Komitmen Jualan dan Pemasaran

Kita bersaing untuk perniagaan berasaskan antara perkara lain ialah inovasi unggul kita. Kita tidak menggunakan penyata atau maklumat palsu untuk membuat jualan. Semasa menjual dan memasarkan produk TTI, kita perlu sentiasa jujur mengenai kualiti, ciri dan kebolehsediaan produk. Kita tidak perlu mereka maklumat atau menipu pelanggan atau orang awam untuk mendapatkan kelebihan persaingan. Kita juga tidak perlu merendah-rendahkan produk pesaing kita secara menyalahi undang-undang untuk maju. Apabila kita membuat perbandingan dengan apa yang pesaing kita jual dan perkar yang TTI tawarkan, kita gunakan ketepatan, kejujuran dan mengikut fakta.



Komitmen kepada Pelanggan Kita

Menghayati Nilai-Nilai Kita

1 **Senario:** Baru-baru ini, saya menipu bakal pelanggan komersial. Selepas saya bercakap, beliau menanyakan beberapa soalan kepada saya yang saya tidak tahu jawapan yang betul. Saya tidak mahu beliau berasa saya tidak kompeten, oleh sebab itu, saya mereka jawapan yang kemudiannya, saya dapati tidak tepat. Kemudian, syarikatnya memutuskan untuk membeli produk daripada kami.

Respons: Anda tidak mendukung nilai-nilai kita. Walaupun kita sentiasa ingin nampak yakin dalam kerja dan pengetahuan produk kita, kita tidak mahu menipu pelanggan kita atau menyatakan perkara yang tidak tepat. Anda sepatutnya memberitahu bakal klien bahawa anda perlu melakukan lebih penyelidikan atau menanyakan kepada individu atasan di TTI untuk jawapan lengkap sebelum memberikan jawapan. Sentiasa amalkan nilai-nilai kita iaitu Menjalin hubungan yang Kukuh dan Melebihi Jangkaan Pelanggan apabila berunding dengan orang lain.

2 **Senario:** Saya menghadiri persidangan industri bersama-sama beberapa pesaing TTI. Semasa makan tengahari, seorang wakil dari syarikat pesaing memulakan perbincangan tentang strategi harga untuk baris produk yang tertentu. Saya segera menghentikan beliau dan mengatakan bahawa saya tidak dapat menyertai perbincangan tersebut. Selepas saya berlaru pergi, saya menghantar e-mel kepada Jabatan Undang-Undang dan menerangkan situasi tersebut kepada mereka.

Respons: Anda menghayati nilai-nilai kita tentang Melakukan perkara yang betul and Melebihi Jangkaan Pelanggan. Dengan mengelakkan perbincangan antipersaingan dan melaporkannya dengan segera, anda melindungi diri anda dan TTI, serta demi kepentingan pelanggan kita. Sekiranya anda menyertai persetujuan penetapan harga dengan seseorang pesaing, anda mungkin menyebabkan bahaya kepada Syarikat dan semua pemegang saham kita.



Komitmen kepada Pembekal Kita.



Pembekal kita adalah rakan niaga yang penting dalam perniagaan kita. Kita memilih dan mengekalkan pembekal yang luar biasa dan pelbagai dengan berhati-hati, dan kita berusaha gigih untuk mengekalkan perhubungan baik dengan mereka. Kita melayani pembekal kita dengan rasa hormat dan mengurus mereka sejajar dengan standard perniagaan beretika.

Komitmen Pilihan yang Betul

Kami tidak mendiskriminasi bakal pembekal secara menyalahi undang-undang dalam mencari perniagaan dengan TTI. Kami juga tidak memilih pembekal berdasarkan faktor yang tidak wajar seperti usaha untuk memberikan kelebihan peribadi sebagai pertukaran untuk memberikan perniagaan kepada syarikat tertentu.

Komitmen Rantaian Bekalan

Oleh sebab kami merupakan perniagaan global dengan pelbagai komitmen meluas untuk dipenuhi, TTI menyumbangkan produk dari kebanyakan rantau di dunia. Walaupun ini membolehkan kami menikmati kepelbagaian tertentu dalam operasi kami, ini juga boleh menjadi rumit dari segi undang-undang. Setiap negara mempunyai undang-undang dan peraturan yang mentadbir perundingan perniagaan dan pembelian serta pengangkutan produk dan barangan. Mungkin juga terdapat perbezaan budaya dan sosial yang ketara antara negara-negara tersebut apabila TTI beroperasi dan sumber antarabangsa kami yang berkemungkinan boleh memberi kesan kepada prestasi dan standard operasi rantai bekalan global.

Komitmen kepada Pembekal Kita

TTI komited kepada kecemerlangan operasi dan mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan. TTI memerlukan standard ini dalam setiap aspek rantaian bekalan globalnya, yang termasuk:

- Penyumberan global
- Kawalan kualiti
- Logistik
- Perakaunan
- Pematuhan kastam
- Operasi
- Eksport

Sentiasa merujuk kepada Jabatan Perundangan jika terdapat soalan mengenai perkara ini, secara khusus:

- Memastikan produk memenuhi pengelasan produk dan keperluan keselamatan tertentu
- Memastikan produk diimport ke negara tertentu dengan betul
- Mengikuti peraturan yang betul dalam penghantaran produk kepada pelanggan di negara lain

Menghayati Nilai-Nilai Kita

Senario: Saya bekerja dalam fungsi pemerolehan di TTI dan bertanggungjawab untuk memilih pembekal. Baru-baru ini, beberapa syarikat telah menyerahkan bida untuk memberikan produk kepada TTI. Saya rasakan syarikat yang terbaik juga menawarkan produk paling mahal. Saya beritahu bakal pembekal bahawa jika mereka sanggup untuk memberikan TTI diskaun yang banyak, kami boleh memberi jaminan perniagaan kepada mereka selama enam tahun akan datang—walaupun, kami sebenarnya tidak dapat memberikan jaminan ini.

Respons: Anda tidak mendukung nilai-nilai kita. Kita perlu berunding secara jujur. Kita tidak boleh berjanji tetapi tidak menepati janji. Bukan hanya ini tidak mendukung nilai-nilai kita, tetapi juga mungkin menyebabkan TTI dikenakan liabiliti pada masa hadapan jika kita tidak dapat menepati janji ini. Anda hendaklah mengambil contoh daripada nilai-nilai Melakukan Perkara yang Betul, Saling Melayani dengan Bermaruah dan Rasa Hormat serta Menjalinkan Hubungan yang Kukuh semasa berunding dengan pembekal ini.



Komitmen terhadap Komuniti Kita.

Komuniti kita menyokong kita dengan membenarkan kita bekerja dan berkembang dalam komuniti mereka. Operasi kita menggunakan ruang dan sumber komuniti untuk berfungsi, menjadikannya penting untuk kita bekerja dengan integriti dan secara yang mampan. Kita memberi balik kepada komuniti kita melalui kerja-kerja kebajikan dan kesukarelawanan, dan kita memperkayakan mereka melalui usaha pemulihan alam sekitar.

Komitmen Alam Sekitar

Sebagai peneraju industri dan perniagaan yang diiktiraf secara global, TTI berada dalam kedudukan untuk menetapkan contoh positif dengan mengambil kira pemuliharaan alam sekitar. Kami terhutang kepada komuniti kami dan planet yang kami tinggal untuk melakukan perkara yang betul dalam semua operasi kita. Oleh sebab itu, kita komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar dan melakukan tindakan bertanggungjawab untuk memulihara dan melindungi sumber semula jadi dunia. TTI menggalakkan amalan berkekalan dalam semua operasi kita, termasuk:

- Mengitar semula
- Memulihara tenaga dan sumber semula jadi
- Penggunaan dan pelupusan selamat bahan berbahaya
- Pembentukan alternatif yang melindungi alam sekitar



Selain daripada komitmen kita sebagai sebuah Syarikat, kita mengharapkan pembekal kita dan rakan perniagaan lain untuk menyertai usaha kita memelihara alam sekitar. Oleh sebab itu, mereka perlu melaporkan sebarang pelanggaran yang disyaki bagi komitmen ini dengan segera. Kita menggalakkan pelanggan kita untuk melakukan perkara yang sama.

Komitmen Hak Manusia

Menjalankan perniagaan dengan cara yang betul bermaksud kita perlu memelihara integriti dalam semua operasi kita. Bermaksud bahawa pada setiap tahap, perniagaan kita perlu menyokong amalan hak manusia yang positif dan bebas dari eksploitasi. Kita mendukung komitmen ini dan kita mengharapkan mereka dalam rantai bekalan mendukungnya juga.

Kita mendukung amalan upah dan jam bekerja yang adil apabila pekerja dibayar upah minimum dan lebih masa dengan betul menurut undang-undang tempatan. Kita melarang mengambil pekerja kanak-kanak, penggunaan buruh paksa dan perhambaan. Amalan tidak berperikemanusiaan ini, serta hukuman fizikal, perhambaan tak voluntari atau amalan lain yang sama melanggar Tata, undang-undang dan kepercayaan kita. Pekerja kita dan pekerja pembekal dibenarkan untuk secara bebas bersekutu dengan kesatuan perdagangan seperti yang diiktiraf oleh undang-undang tempatan. Jika kita mengesyaki hak manusia dilanggar, menjadi tugas kita untuk melaporkannya dengan segera.

Komitmen terhadap Komuniti Kita

Kita mengharapkan semua rakan perniagaan kita mencipta keadaan bekerja yang pekerja berasa selamat, dihormati dan dihargai. Ini hanya boleh dicapai apabila standard dan prosedur keselamatan yang betul diikuti. Rakan perniagaan tidak patut membuatkan pekerja mereka dalam keadaan bekerja yang berbahaya secara tidak sengaja. Oleh sebab kita mempunyai standard tempat kerja sendiri yang melarang penggunaan alkohol dan dadah di tempat kerja, pembekal perlu mempunyai prosedur yang sama untuk mencipta persekitaran bekerja yang selamat dan sihat. Seperti yang dinyatakan sebelum ini dalam Tata, kita mencipta persekitaran untuk pekerja kita yang kita rasa selamat dan dilindungi dan kita mengharapkan yang sama pada seluruh rantaian bekalan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen kita kepada hak manusia, kita perlu mengelakkan penggunaan sebarang mineral berkonflik. Banyak produk superior TTI mungkin mengandungi mineral penting iaitu Tin, Tungsten, Tantalum dan Emas (kerap dipanggil "3TG"). Walaupun mineral penting ini boleh diperolehi melalui pelbagai bahagian dunia, sesetengahnya boleh dijejaki di lokasi hak manusia tidak berperikemanusiaan berlaku. Di negara ini, kumpulan bersenjata biasanya terlibat dalam pengangkutan 3TG dan membiayai proses tersebut. Iaitu istilah yang dipanggil "mineral berkonflik". Sebagai perniagaan beretika dan yang ingin memperkayakan komuniti global kita, TTI berusaha dalam memastikan mineral yang kita gunakan dalam produk kita bukan dilombong atau pun diangkut dari kawasan-kawasan ini. Kita tidak akan memberi tolak-ansur, mengambil keuntungan atau sebaliknya dengan sengaja menyumbang kepada sebarang bentuk perlakuan tidak berperikemanusiaan atau merendahkan maruah atau berasal dari pemerolehan 3TG.

Untuk maklumat lanjut mengenai mineral berkonflik, termasuk senarai menyeluruh bagi negara yang terlibat sila lihat Dasar Mineral Berkonflik kita.



Komitmen Antirasuah

Melakukan perkara yang betul bermaksud kita tidak menggunakan cara yang menyalahi undang-undang atau tidak wajar untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan. Dalam apa jua keadaan, kita tidak membenarkan rasuah atau sogokan dalam interaksi kita dengan orang lain. Kita komited untuk mematuhi semua undang-undang anti-rasuah dan anti-penyelewengan wang di negara kita beroperasi.

Secara umumnya, undang-undang antirasuah melarang syarikat seperti TTI daripada menawarkan rasuah kepada pegawai kerajaan atau wakilnya untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau sebaliknya, mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Sogokan ditakrifkan secara meluas. Mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Memberikan atau mengambil wang, hadiah atau layanan mesra
- Sumbangan politik
- Pendermaan sumbangan amal
- Penajaan
- Pembayaran atau daripada orang tengah

Selain itu, kita tidak membuat atau menerima sogokan kepada atau daripada rakan perniagaan komersial, seperti vendor atau pihak lain, untuk tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau sebaliknya, mendapatkan kelebihan perniagaan yang tidak wajar. Kita boleh dan akan menjalin hubungan yang kukuh tanpa rasuah seperti itu.

Larangan undang-undang ini bukan hanya dikenakan kepada tindakan yang diambil oleh kita sebagai individu; tetapi juga dikenakan kepada tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak luar yang menjalankan perniagaan bagi pihak Syarikat. Kita tidak boleh meminta atau membenarkan perunding, penasihat profesional atau pihak ketiga lain memberikan atau menerima rasuah sekiranya, kita juga tidak boleh. Memandangkan kerumitan undang-undang rasuah dan penalti berat yang berkaitan dengan pelanggaran, Jabatan Undang-Undang perlu dihubungi untuk sebarang soalan tentang undang-undang ini.

Komitmen terhadap Komuniti Kita

Aktiviti Politik dan Komitmen Hubungan Kerajaan

